

GARIS PANDUAN BAGI DEFINISI PKS

Disediakan oleh:
SME Corp. Malaysia
**Sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan
dan PKS Kebangsaan**

I. Latar Belakang

Sejak tahun 2005, satu definisi seragam yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)¹ [dahulu dikenali sebagai Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)] telah digunakan oleh semua Kementerian dan agensi, institusi kewangan dan pengawal selia yang terlibat dalam program pembangunan PKS. Definisi adalah seperti berikut:

- **Industri pembuatan (termasuk industri berasaskan pertanian), Perkhidmatan berkaitan Pembuatan:** Jumlah jualan tahunan kurang daripada **RM25 juta** ATAU pekerja sepenuh masa kurang daripada **150 orang**
- **Pertanian Asas dan Perkhidmatan (termasuk ICT):** Jumlah jualan tahunan kurang daripada **RM5 juta** ATAU pekerja sepenuh masa kurang daripada **50 orang**

II. Definisi PKS

Memandangkan terdapat banyak perkembangan dalam ekonomi sejak tahun 2005 seperti inflasi harga, perubahan struktur dan perubahan trend perniagaan, kajian semula definisi telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan definisi PKS baharu telah diluluskan di Mesyuarat MPPK ke-14 pada Julai 2013.

Sesebuah perniagaan akan diklasifikasikan sebagai **PKS** jika ia **memenuhi** kesemua **tiga (3) syarat** yang berkaitan iaitu **kriteria kelayakan, jenis penubuhan** dan **struktur pemegang saham** seperti berikut:

(A) Syarat Kelayakan

Memenuhi salah satu daripada dua kriteria kelayakan iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, **yang mana lebih rendah**.

Jadual 1: Ringkasan Kriteria Kelayakan

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pembuatan: Jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang• Perkhidmatan dan lain sektor: Jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang |
|---|

¹ MPUPK bertindak sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam merangka dasar pembangunan PKS kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan ahli daripada 16 Kementerian dan agensi utama.

Butiran terperinci bagi kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

(i) Definisi berdasarkan Saiz Operasi

- **Perusahaan mikro merentasi semua sektor:** Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.
- **Jadual 2 merumuskan definisi untuk kategori kecil dan sederhana berdasarkan sektor masing-masing.**

Jadual 2: Definisi berdasarkan Saiz Operasi

Kategori	Kecil	Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 75	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 75 hingga tidak melebihi 200
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 30	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 30 hingga tidak melebihi 75

- **Jika sesebuah perniagaan memenuhi salah satu kriteria merentasi saiz operasi yang berbeza, maka saiz yang lebih kecil akan diguna pakai.** Sebagai contoh, jika jualan tahunan sesebuah firma berada di bawah kategori perusahaan mikro tetapi bilangan pekerja terletak di bawah kategori perusahaan kecil, perniagaan tersebut akan diklasifikasikan sebagai perusahaan mikro.

(ii) Terma kriteria kelayakan

- Jualan tahunan merujuk kepada **jumlah pendapatan** termasuk pendapatan lain.
- **Pekerja sepenuh masa** termasuk semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya **6 jam sehari** dan **20 hari sebulan**, atau sekurang-kurangnya **120 jam sebulan**. Pekerja sepenuh masa juga termasuk pekerja asing dan kontrak. Walau bagaimanapun, definisi ini tidak

termasuk pemilik perniagaan, rakan niaga yang aktif dan ahli keluarga yang tidak dibayar atau rakan-rakan yang bekerja dalam perniagaan dan tidak menerima upah yang tetap.

- **Asas ‘ATAU’** bermaksud perniagaan hanya perlu memenuhi **salah satu daripada dua kriteria** yang digunakan dalam definisi (mana-mana yang lebih rendah).
- Jika sesebuah perniagaan **melebihi paras ambang** yang ditetapkan di bawah kedua-dua kriteria bagi **2 tahun berturut-turut** (berdasarkan tahun kewangan / tempoh perakaunan), maka ia **tidak boleh lagi dianggap sebagai PKS**. Bagi perniagaan yang sebelum ini bersaiz besar juga boleh dianggap sebagai PKS jika ia memenuhi kriteria kelayakan selama **2 tahun berturut-turut**.

(B) Jenis Pertubuhan

PKS merujuk kepada hanya entiti perniagaan tulen seperti berikut:

- i. Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 (menggantikan Akta Syarikat 1965); atau
- ii. Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (2012); atau
- iii. Berdaftar di bawah pihak berkuasa atau pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; atau
- iv. Berdaftar di bawah badan berkanun bagi pembekal perkhidmatan profesional.


(C) Struktur Pemegang Saham

- i. Syarikat **tersenarai awam tetapi berada di papan kedua** seperti pasaran ACE, pasaran LEAP dan sebagainya atau di pasaran kedua / *SME exchanges* / pasaran tidak tersenarai di negara lain dan **subsidiari** akan **dianggap sebagai PKS**.
- ii. **Syarikat tersenarai awam di papan utama** seperti Bursa Malaysia atau bursa utama di negara-negara lain dan **subsidiari tidak** akan dianggap sebagai **PKS**.
- iii. **Subsidiari syarikat besar, syarikat multinasional (MNC), syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Perusahaan milik negara tidak** akan dianggap sebagai **PKS**.
- iv. **Subsidiari entiti lain** boleh dianggap sebagai PKS jika **kedua-dua entiti induk** dan **subsidiari memenuhi definisi PKS**.

Subsidiari merujuk kepada entiti di bawah kawalan syarikat induk sama ada melalui:

- **Komposisi ahli lembaga pengarah**; atau
- **Mempunyai lebih daripada 50% kuasa mengundi/ modal saham** (tidak termasuk saham keutamaan); atau
- **Secara tidak langsung** melalui entiti lain yang merupakan subsidiari yang dimiliki oleh syarikat induk (subsidiari dua lapisan). Bagi tujuan ini, syarat-syarat di **(C)** akan diguna pakai (rujuk kepada Ilustrasi 1.1).

Ilustrasi 1.1



III. Perniagaan Milik Asing

Untuk tujuan statistik, semua pertubuhan perniagaan termasuk perniagaan milik asing yang memenuhi definisi PKS **akan diklasifikasikan sebagai PKS**. Walau bagaimanapun, adalah **disyorkan ekuiti tempatan minimum lebih daripada 50%** dikenakan bergantung kepada objektif program, untuk memenuhi syarat bantuan Kerajaan.

IV. Klasifikasi mengikut Sektor

- '**Pembuatan**' merujuk kepada transformasi bahan atau komponen secara fizikal atau kimia yang membentuk produk baharu.
- '**Perkhidmatan**' merujuk kepada semua jenis perkhidmatan termasuk perdagangan edaran; hotel dan restoran; perniagaan, professional dan perkhidmatan ICT; pendidikan swasta dan kesihatan; hiburan; perantaraan kewangan; dan perkhidmatan berkaitan pembuatan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), logistik, pergudangan, kejuruteraan d.l.l.

- ‘**Lain-lain**’ merujuk kepada baki 3 aktiviti ekonomi utama, iaitu:
 - (i) **Pertanian Asas**
 - Tanaman kekal (cth. getah, minyak sawit, koko, lada d.l.l.) dan tanaman kontan (cth. sayur-sayuran, buah-buahan d.l.l)
 - Penternakan
 - Perhutanan & pembalakan
 - Perikanan laut
 - Akuakultur
 - (ii) **Pembinaan**
 - Infrastruktur
 - Kediaman & bukan kediaman
 - Perdagangan khas
 - (iii) **Perlombongan & Pengkuarian**
 - Klasifikasi aktiviti ekonomi bagi tujuan definisi akan berdasarkan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 seperti dalam **Lampiran 1**. Ini adalah untuk membolehkan perbandingan data dari pelbagai sumber dan bagi memudahkan penyelarasaran data merentasi pelbagai pembekal statistik PKS. Walau bagaimanapun, senarai aktiviti adalah **tidak menyeluruh** tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.
- V. Guna Pakai Definisi PKS**
- i. Definisi baharu PKS akan diguna pakai oleh **semua pihak berkepentingan** yang melaksanakan inisiatif PKS. Ini termasuk Kementerian dan agensi² di peringkat Persekutuan dan Negeri (termasuk badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan), pengawal selia serta institusi kewangan.
 - ii. Ini adalah untuk **mengenal pasti status kelayakan** bagi program pembangunan PKS, penggubalan dasar PKS serta pengumpulan data PKS. Walau bagaimanapun, kriteria kelayakan tambahan boleh dikenakan oleh institusi pelaksana bergantung kepada skop dan matlamat program pembangunan PKS.
 - iii. Bagi tujuan pengumpulan data, Kementerian, Agensi Kerajaan dan institusi kewangan yang berkaitan perlu **mengekalkan data syarikat dan perniagaan berdasarkan kedua-dua kriteria** iaitu jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa. Jika pihak yang berkepentingan tidak dapat mengumpul atau mengekalkan kedua-dua data ini maka mereka perlu memaklumkan Sekretariat.
 - iv. Semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam program pembangunan PKS perlu **menyelaraskan** prosedur **pengumpulan data** berdasarkan saiz dan klasifikasi sektor tersebut. Ini adalah bagi membolehkan perbandingan data merentasi institusi dan mewujudkan data yang berguna untuk lebih memahami status, isu dan keperluan pembangunan PKS dalam semua sektor.

VI. Tarikh Kuat Kuasa

Definisi PKS baharu ini berkuat kuasa bermula **1 Januari 2014**. Ini bermaksud kelayakan bagi program pembangunan PKS dan pengumpulan data PKS bermula tahun 2014 akan mengikut definisi ini. Semua data yang dikumpulkan sebelum tahun 2014 akan kekal dan tidak akan terjejas dengan definisi baharu.

VII. Soalan Lazim (FAQ)

Sila rujuk **Lampiran 2**.

VIII. Pendaftaran Status PKS

Sistem Pendaftaran Status PKS telah dibangunkan oleh SME Corp. Malaysia bagi mengesahkan status PKS. Pengesahan status sesebuah PKS akan memudahkan perniagaan daripada mengemukakan dokuman atau maklumat yang sama berulang kali kepada pihak yang berkaitan untuk mengesahkan status perniagaan tersebut. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran boleh dirujuk di <https://mybpi.smecorp.gov.my> atau di laman web rasmi SME Corp. Malaysia.

Kemas kini: Mac 2024

² Pada masa ini, definisi syarikat kecil untuk insentif di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan cukai korporat di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah berdasarkan peraturan masing-masing

**AKTIVITI EKONOMI DI SEMUA SEKTOR
(BERDASARKAN KEPADA BAHAGIAN DAN KETERANGAN
PIAWAIAN KLASIFIKASI INDUSTRI MALAYSIA 2008)**

Pertanian Utama	
A. PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN	
01 Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan	
011 Penanaman tanaman tidak kekal	12 Pembuatan produk tembakau 120 Pembuatan produk tembakau
012 Penanaman tanaman kekal	
013 Pembibitan tumbuhan	13 Pembuatan tekstil 131 Pemintalan, penenunan dan penyajian tekstil
014 Pengeluaran ternakan	139 Pembuatan tekstil lain
015 Pertanian campuran	
016 Aktiviti sokongan untuk pertanian dan aktiviti selepas tuaian	14 Pembuatan pakaian 141 Pembuatan pakaian, kecuali pakaian berbulu
017 Perburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan	142 Pembuatan artikel daripada kulit bulu
02 Perhutanan dan pembalakan	143 Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye
021 Silvikultur dan aktiviti perhutanan lain	15 Pembuatan produk kulit dan barang berkaitan 151 Penyayamanan dan pembersihan kulit, pembuatan bagasi, beg tangan, pelana dan abah-abah; pembersihan dan pewarnaan bulu
022 Pembalakan	152 Pembuatan kasut
023 Pengumpulan produk hasil hutan bukan kayu	16 Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman 161 Pengilangan dan pengetaman kayu
024 Perkhidmatan sokongan perhutanan	162 Pembuatan produk daripada kayu, gabus, jerami dan bahan jalinan lain
03 Perikanan dan akuakultur	17 Pembuatan kertas dan produk kertas 170 Pembuatan kertas dan produk kertas
031 Perikanan	
032 Aquakultur	18 Percetakan dan penerbitan semula media rakaman 181 Percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan perce
Perlombongan & Pengkuarian	182 Penerbitan semula media rakaman
B. PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN	
05 Perlombongan batu arang dan lignit	19 Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis 191 Pembuatan produk ketuhar kok
051 Perlombongan batu arang pepejal	192 Pembuatan produk petroleum bertapis
052 Perlombongan lignit	20 Pembuatan kimia dan produk kimia 201 Pembuatan kimia asas, baja dan sebatian nitrogen, plastik dan getah sintetik dalam bentuk primer
06 Pengekstrakan petroleum mentah dan gas asli	202 Pembuatan produk kimia lain
061 Pengekstrakan petroleum mentah	203 Pembuatan serat buatan manusia
062 Pengekstrakan gas asli	21 Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani 210 Pembuatan produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani
07 Perlombongan bijih besi	22 Pembuatan produk getah dan plastik 221 Pembuatan produk getah
071 Perlombongan bijih logam	222 Pembuatan produk plastik
072 Perlombongan bijih logam bukan besi	23 Pembuatan produk galian bukan logam lain 231 Pembuatan kaca dan produk kaca
08 Perlombongan dan pengkuarian lain	239 Pembuatan pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l.
081 Pengkuarian batu, pasir dan tanah liat	
089 Perlombongan dan pengkuarian t.t.t.l.	24 Pembuatan logam asas 241 Pembuatan besi dan keluli asas
09 Aktiviti perkhidmatan sokongan perlombongan	242 Pembuatan logam asas berharga dan logam bukan ferus lain
091 Aktiviti sokongan untuk pengekstrakan petroleum dan gas asli	243 Penuangan logam
099 Aktiviti sokongan untuk perlombongan dan pengkuarian lain	25 Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan 251 Pembuatan produk struktur logam, tangki, takungan dan penjanaan wap
Pembuatan	252 Pembuatan senjata dan peluru
C. PEMBUATAN	259 Pembuatan produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam
10 Pembuatan produk makanan	
101 Pemrosesan dan pengawetan daging	
102 Pemrosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska	
103 Pemrosesan dan pengawetan buah-buahan dan sayur-sayuran	
104 Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	
105 Pembuatan produk tenusu	
106 Pembuatan produk bijian, kanji dan produk berkanji	
107 Pembuatan produk makanan lain	
108 Pembuatan makanan haiwan tersedia	
11 Pembuatan minuman	
110 Pembuatan minuman ringan	

<p>26 Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal</p> <p>261 Pembuatan komponen dan papan elektronik</p> <p>262 Pembuatan komputer dan kelengkapan peranti</p> <p>263 Pembuatan peralatan komunikasi</p> <p>264 Pembuatan peralatan elektronik pengguna</p> <p>265 Pembuatan kelengkapan mengukur, menguji, memandu arah dan kawalan; jam tangan dan jam</p> <p>266 Pembuatan peralatan penyinaran, perubatan elektro & elektroterapeutik</p> <p>267 Pembuatan instrumen optikal dan kelengkapan fotografi</p> <p>268 Pembuatan media magnetik dan optikal</p> <p>27 Pembuatan kelengkapan elektrik</p> <p>271 Pembuatan motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik</p> <p>272 Pembuatan bateri dan akumulator</p> <p>273 Pembuatan pendawaian dan peranti pendawaian</p> <p>274 Pembuatan kelengkapan pencahayaan elektrik</p> <p>275 Pembuatan perkakasan domestik</p> <p>279 Pembuatan kelengkapan elektrik lain</p> <p>28 Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.</p> <p>281 Pembuatan jentera kegunaan umum</p> <p>282 Pembuatan jentera kegunaan khas</p> <p>29 Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler</p> <p>291 Pembuatan kenderaan bermotor</p> <p>292 Pembuatan kerangka (coachwork) untuk kenderaan bermotor; pembuatan treler dan semi treler</p> <p>293 Pembuatan alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor</p> <p>30 Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain</p> <p>301 Pembinaan kapal dan bot</p> <p>302 Pembuatan lokomotif keretapi dan rolling stock</p> <p>303 Pembuatan kapal angkasa dan udara dan jentera berkaitan</p> <p>304 Pembuatan kenderaan tempur ketenteraan</p> <p>309 Pembuatan kelengkapan pengangkutan t.t.t.l.</p> <p>31 Pembuatan perabot</p> <p>310 Pembuatan perabot</p> <p>32 Pembuatan lain</p> <p>321 Pembuatan barang kemas, bijouterie dan artikel berkaitan</p> <p>322 Pembuatan instrumen muzik</p> <p>323 Pembuatan barang sukan</p> <p>324 Pembuatan permainan dan mainan</p> <p>325 Pembuatan bekalan dan instrumen pergigian dan perubatan</p> <p>329 Pembuatan lain t.t.t.l.</p> <p>33 Pembaikan dan pemasangan mesin dan kelengkapan</p> <p>331 Pembaikan pemasangan produk logam, jentera dan kelengkapan</p> <p>332 Pemasangan jentera perindustrian dan kelengkapan</p> <p>Perkhidmatan</p> <p>D. BEKALAN ELEKTRIK, GAS, WAP DAN PENDINGIN UDARA</p> <p>35 Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara</p> <p>351 Penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik</p> <p>352 Pembuatan gas; pengagihan bahan api berunsur gas melalui saluran utama</p> <p>353 Bekalan wap dan pendingin udara</p> <p>E. BEKALAN AIR; PEMBENTUNGAN, PENGURUSAN SISA DAN AKTIVITI PEMULIHAN</p> <p>36 Penakungan, perawatan dan bekalan air</p> <p>360 Penakungan, perawatan dan bekalan air</p>	<p>37 Pembetungan</p> <p>370 Pembetungan</p> <p>38 Aktiviti pengumpulan, rawatan dan pelupusan sisa; pemulihian semula bahan</p> <p>381 Pengumpulan sisa</p> <p>382 Rawatan dan pelupusan sisa</p> <p>383 Pemulihian semula bahan</p> <p>39 Aktiviti pemulihian dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa</p> <p>390 Aktiviti pemulihian dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa</p> <p>F. PEMBINAAN</p> <p>41 Pembinaan bangunan</p> <p>410 Pembinaan bangunan</p> <p>42 Kejuruteraan awam</p> <p>421 Pembinaan jalanraya dan landasan keretapi</p> <p>422 Pembinaan projek utiliti</p> <p>429 Pembinaan projek kejuruteraan lain</p> <p>43 Aktiviti pembinaan pertukangan khas</p> <p>431 Perobohan dan penyediaan tapak</p> <p>432 Aktiviti pemasangan elektrikal, paip dan pembinaan lain</p> <p>433 Penyiapan dan kemasan bangunan</p> <p>439 Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain</p> <p>Perkhidmatan</p> <p>G. PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT; PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTOSIKAL</p> <p>45 Perdagangan borong dan runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal</p> <p>451 Jualan kenderaan bermotor</p> <p>452 Penyelenggaraan dan pemberian kenderaan bermotor</p> <p>453 Jualan komponen alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor</p> <p>454 Jualan, penyelenggaraan dan pemberian motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan</p> <p>46 Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan Motosikal</p> <p>461 Jual borong berdasarkan kontrak atau yuran</p> <p>462 Jual borong bahan mentah, pertanian dan haiwan hidup</p> <p>463 Jual borong makanan, minuman dan tembakau</p> <p>464 Jual borong barang isi rumah</p> <p>465 Jual borong jentera, kelengkapan dan bekalan</p> <p>466 Lain-lain penghususkan jual borong</p> <p>469 Perdagangan jual borong bukan penghususkan</p> <p>47 Perdagangan runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal</p> <p>471 Jualan runcit di stor bukan penghususkan</p> <p>472 Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di stor penghususkan</p> <p>473 Jualan runcit bahan api kenderaan di stor penghususkan</p> <p>474 Jualan runcit kelengkapan informasi & komunikasi di stor penghususkan</p> <p>475 Jualan runcit lain-lain peralatan isi rumah di stor penghususkan</p> <p>476 Jualan runcit barang kesenian dan rekreasi di stor penghususkan</p> <p>477 Jualan runcit barang lain di stor penghususkan</p> <p>478 Jualan runcit melalui gerai dan pasar</p> <p>479 Perdagangan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar</p>
--	--

<p>H. PENGANGKUTAN & PENYIMPANAN</p> <p>49 Pengangkutan darat dan pengangkutan melalui saliran paip</p> <p>491 Pengangkutan melalui laluan rel 492 Pengangkutan darat lain 493 Pengangkutan melalui saluran paip</p> <p>50 Pengangkutan air</p> <p>501 Pengangkutan air laut dan pesisir pantai 502 Pengangkutan air pedalaman</p> <p>51 Pengangkutan udara</p> <p>511 Pengangkutan penumpang udara 512 Pengangkutan muatan udara</p> <p>52 Penggudangan dan aktiviti sokongan untuk pengangkutan</p> <p>521 Penggudangan dan penyimpanan 522 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan</p> <p>53 Perkhidmatan pos dan kurier</p> <p>531 Aktiviti pos 532 Aktiviti kurier</p> <p>I. PENGINAPAN & AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN</p> <p>55 Penginapan</p> <p>551 Aktiviti penginapan jangka masa pendek 552 Tapak perkhidmatan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler 559 Penginapan lain</p> <p>56 Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman</p> <p>561 Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak 562 Katering dan aktiviti perkhidmatan makanan lain 563 Aktiviti perkhidmatan minuman</p> <p>J. MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI</p> <p>58 Aktiviti penerbitan</p> <p>581 Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain 582 Penerbitan perisian</p> <p>59 Aktiviti penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik</p> <p>591 Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen 592 Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik</p> <p>60 Aktiviti pemprograman dan penyiaran</p> <p>601 Penyiaran radio 602 Aktiviti pemprograman dan penyiaran televisyen</p> <p>61 Telekomunikasi</p> <p>611 Aktiviti komunikasi berwayar 612 Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar 613 Aktiviti telekomunikasi satelit 619 Aktiviti telekomunikasi lain</p> <p>62 Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan</p> <p>620 Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan</p> <p>63 Aktiviti perkhidmatan maklumat</p> <p>631 Aktiviti prosesan data, hosting dan aktiviti lain yang berkaitan; web portal 639 Aktiviti perkhidmatan maklumat lain</p> <p>K. AKTIVITI KEWANGAN DAN INSURANS/TAKAFUL</p>	<p>64 Aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pence</p> <p>641 Perantaraan kewangan 642 Aktiviti syarikat pemegang 643 Amanah, tabung dan entiti kewangan seumpamanya 649 Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan aktiviti tabungan pence</p> <p>65 Insurans/takaful, insurans/takaful semula dan tabungan pence, kecuali keselamatan sosial berwajib</p> <p>651 Insurans/takaful 652 Insurans/takaful semula 653 Tabungan pence dan tabungan hemat</p> <p>66 Aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan dan aktiviti insurans/takaful</p> <p>661 Aktiviti sokongan kepada aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pence 662 Aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan tabungan pence 663 Aktiviti pengurusan tabung</p> <p>L. AKTIVITI HARTANAH</p> <p>68 Aktiviti hartaanah</p> <p>681 Aktiviti hartaanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan 682 Aktiviti hartaanah atas dasar bayaran atau kontrak</p> <p>M. AKTIVITI PROFESIONAL, SAINTIFIK & TEKNIKAL</p> <p>69 Aktiviti guaman dan perakaunan</p> <p>691 Aktiviti guaman 692 Aktiviti perakaunan, simpan kira dan audit; perundingan percuakan</p> <p>70 Aktiviti ibu pejabat; aktiviti perundingan pengurusan</p> <p>701 Aktiviti ibu pejabat 702 Aktiviti perundingan pengurusan</p> <p>71 Aktiviti arkitek dan kejuruteraan; ujian teknikal dan analisis</p> <p>711 Aktiviti arkitek dan kejuruteraan dan perundingan teknikal yang berkaitan 712 Ujian teknikal dan analisis</p> <p>72 Penyelidikan dan pembangunan saintifik</p> <p>721 Penyelidikan dan pembangunan eksperimen sains semula jadi dan kejuruteraan 722 Pembangunan penyelidikan dan eksperimen sains sosial dan kemanusiaan</p> <p>73 Pengiklanan dan penyelidikan pasaran</p> <p>731 Pengiklanan 732 Penyelidikan pasaran dan tinjauan pendapat umum</p> <p>74 Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain</p> <p>741 Aktiviti mereka bentuk khusus 742 Aktiviti fotografi 749 Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain</p> <p>75 Aktiviti veterinar</p> <p>750 Aktiviti veterinar</p> <p>N. AKTIVITI PENTADBIRAN DAN KHIDMAT NASIHAT</p> <p>77 Aktiviti sewaan dan pajakan</p> <p>771 Penyewaan dan pemajakan kenderaan bermotor 772 Penyewaan dan pemajakan barang persendirian dan isi rumah 773 Penyewaan dan pemajakan mesin, kelengkapan dan barang ketara lain</p>
--	--

<p>774 Pemajakan harta intelektual dan produk seumpamanya, kecuali kerja berhakcipta</p>	<p>R. KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI 90 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif 900 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif</p>
<p>78 Aktiviti pekerjaan 781 Aktiviti agensi penempatan pekerjaan 782 Aktiviti agensi pekerjaan sementara 783 Penyediaan sumber manusia lain</p>	<p>91 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain 910 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain</p>
<p>79 Agensi pengembalaan, operator pelancongan, khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan 791 Aktiviti agensi pengembalaan dan operator pelancongan 799 Aktiviti khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan</p>	<p>92 Aktiviti perjudian dan pertaruhan 920 Aktiviti perjudian dan pertaruhan</p>
<p>80 Aktiviti keselamatan dan penyiasatan 801 Aktiviti keselamatan persendirian 802 Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan 803 Aktiviti penyiasatan</p>	<p>93 Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan dan rekreasi 931 Aktiviti sukan 932 Aktiviti hiburan dan rekreasi lain</p>
<p>81 Aktiviti perkhidmatan bangunan dan landskap 811 Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan 812 Aktiviti pembersihan 813 Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan lanskap</p>	<p>S. AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN 94 Aktiviti keahlian organisasi 941 Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional 942 Aktiviti kesatuan buruh 949 Aktiviti keahlian organisasi lain</p>
<p>82 Aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat dan sokongan perniagaan lain 821 Aktiviti pengurusan dan sokongan pejabat 822 Aktiviti pusat panggilan 823 Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan 829 Aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan t.t.t.l.</p>	<p>95 Pebaikan komputer dan barang persendirian dan isi Rumah 951 Pebaikan komputer dan peralatan komunikasi 952 Pebaikan barang persendirian dan isi rumah</p>
<p>O. PENTADBIRAN AWAM DAN PERTAHANAN; AKTIVITI KESELAMATAN SOSIAL WAJIB 84 Pentadbiran awam dan pertahanan; keselamatan sosial wajib 841 Pentadbiran negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti 842 Penyediaan perkhidmatan kepada komuniti secara keseluruhannya 843 Aktiviti keselamatan sosial wajib</p>	<p>96 Aktiviti perkhidmatan persendirian lain 960 Aktiviti berkaitan perkhidmatan persendirian lain</p>
<p>P. PENDIDIKAN 85 Pendidikan 851 Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah 852 Pendidikan menengah 853 Pendidikan tinggi 854 Pendidikan lain 855 Perkhidmatan sokongan pendidikan</p>	<p>T. AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN; AKTIVITI MENGELOUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH UNTUK KEGUNAAN SENDIRI 97 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik 970 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik</p>
<p>Q. AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL 86 Aktiviti kesihatan kemanusiaan 861 Aktiviti hospital 862 Aktiviti amalan perubatan dan pergi gigian 869 Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain</p>	<p>98 Aktiviti mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri 981 Aktiviti mengeluarkan barang yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri 982 Aktiviti menyediakan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri</p>
<p>87 Aktiviti rumah penjagaan 871 Kemudahan rumah perawatan 872 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia 873 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya 879 Aktiviti rumah penjagaan lain</p>	<p>U. AKTIVITI BADAN DAN PERTUBUHAN LUAR WILAYAH 99 Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah 990 Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah</p>
<p>88 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan 881 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya 889 Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l.</p>	

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS, FAQ)

1. Apakah definisi bagi jualan tahunan?

Jualan tahunan merujuk kepada **jumlah pendapatan** termasuk pendapatan lain.

2. Apakah definisi bagi pekerja sepenuh masa?

Pekerja sepenuh masa merujuk kepada semua pekerja yang bekerja **sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan**; atau sekurang-kurangnya **120 jam sebulan**.

3. Bagaimanakah jika sesebuah perniagaan itu hanya dapat memenuhi kriteria jualan tahunan tetapi bukan kriteria pekerja?

Sesebuah perniagaan hanya perlu memenuhi **salah satu daripada dua kriteria** yang digunakan dalam definisi bagi diklasifikasikan sebagai PKS. Pengunaan istilah “ATAU” bagi definisi PKS memberikan lebih fleksibiliti kepada perniagaan untuk memenuhi definisi tersebut dan seterusnya diklasifikasikan sebagai PKS.

4. Apakah yang akan berlaku jika sesebuah perniagaan berada di bawah atau melebihi had paras ambang tertentu?

Jika sesebuah perniagaan melebihi had paras ambang yang ditetapkan di bawah kedua-dua kriteria kelayakan selama **2 tahun berturut-turut** (berdasarkan tahun kewangan / tempoh perakaunan), maka ia tidak lagi dianggap sebagai PKS. Bagi perniagaan yang sebelum ini adalah bersaiz besar juga boleh dianggap sebagai PKS jika ia memenuhi kriteria kelayakan PKS selama **2 tahun berturut-turut**.

5. Jika sesebuah perniagaan dapat memenuhi kriteria pertama iaitu jualan tahunan bagi perusahaan mikro dan kriteria kedua iaitu bilangan pekerja bagi perusahaan bersaiz kecil, kategori manakah perniagaan tersebut akan diklasifikasikan?

Dalam kes ini, **kriteria saiz lebih kecil** akan digunakan, iaitu perniagaan tersebut akan dianggap sebagai perusahaan mikro.

6. Bagaimanakah jika sebuah firma mempunyai entiti berasingan bagi menjalankan aktiviti jualan dan pemasaran, penyelidikan & pembangunan (*research & development, R&D*), pengedaran dan sebagainya? Adakah setiap entiti tersebut dianggap sebagai PKS berasingan atau berada di bawah satu PKS?

Ini adalah bergantung kepada bagaimana firma dan entiti tersebut didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Jika mereka didaftarkan sebagai entiti yang berasingan, maka setiap daripada entiti tersebut dianggap sebagai PKS yang berbeza walaupun mereka adalah berkaitan. Walau bagaimanapun, jika entiti tersebut didaftarkan sebagai satu entiti, maka ia merupakan hanya satu PKS.

7. Bolehkah syarikat tersenarai awam diklasifikasikan sebagai PKS?

Jika sesebuah firma tersenarai bukan di bursa utama pasaran tempatan atau luar negara (pasaran ACE, pasaran LEAP pasaran tidak tersenarai atau SME exchange), tetapi memenuhi kriteria PKS, ianya masih dianggap sebagai PKS. Walau bagaimanapun, jika firma tersebut memenuhi kriteria PKS tetapi tersenarai dalam papan utama di Malaysia atau di luar negara, maka ia tidak dianggap sebagai PKS.

8. Bolehkah subsiadiri kepada syarikat induk yang tersenarai di Pasaran ACE / LEAP Market diklasifikasikan sebagai PKS?

Ya, kerana Pasaran ACE / Pasaran LEAP bukan bursa pasaran utama, maka subsidiari kepada syarikat induk ini akan memenuhi syarat PKS selagi syarikat induk memenuhi syarat had paras ambang jualan tahunan dan pekerja di bawah definisi.

9. Sekiranya terdapat sebuah syarikat induk mutlak di tahap teratas yang tersenarai di pasaran utama dan syarikat induk langsung di pasaran ACE, bolehkah subsidiari diklasifikasikan sebagai PKS?

Syarikat tersenarai awam di papan utama seperti Bursa Malaysia atau bursa utama di negara lain dan anak syarikatnya tidak akan dianggap sebagai PKS. **Subsidiari merangkumi entiti tidak langsung** yang dimiliki oleh syarikat induk (**subsidiari dua peringkat**).

10. Bagaimanakah definisi tersebut terpakai kepada syarikat bersekutu (*associate company*) syarikat induk yang disenaraikan di bawah pasaran utama?

Selagi syarikat induk **tidak memiliki saham majoriti (lebih daripada 50%)** syarikat bersekutu, maka ia boleh diklasifikasikan sebagai PKS. Sekiranya tidak, ia akan dianggap sebagai subsidiari maka syarat-syarat subsidiari akan diguna pakai.

11. Bolehkah anak syarikat syarikat induk dengan saham majoriti (lebih daripada 50%) yang dipegang oleh individu asing diklasifikasikan sebagai PKS?

Pemilikan asing **tidak menggambarkan ukuran saiz** perniagaan. Oleh itu, jika syarikat induk bukan syarikat besar / MNC / GLC atau tersenarai di pasaran utama dan subsidiari memenuhi ambang jualan tahunan dan pekerja di bawah definisi, maka ia adalah PKS. Ekuiti asing biasanya diambil kira untuk program yang dibiayai oleh Kerajaan.

12. Sekiranya syarikat induk yang memenuhi syarat di bawah definisi PKS memiliki anak syarikat yang bukan PKS atau melebihi nilai ambang definisi PKS, apakah syarikat induk ini masih dianggap sebagai PKS?

Penetapan nilai ambang jualan dan jumlah pekerja adalah berdasarkan entiti yang berasingan, bukan secara berkumpulan. Oleh itu, dan jika, amalan perakaunan untuk syarikat induk dan anak syarikat adalah berasingan, syarikat induk tersebut boleh dikategorikan sebagai PKS.

13. Bolehkah sesebuah organisasi menjana pendapatan seperti persatuan belia, kesatuan sekerja, persatuan pengguna dan sebagainya diklasifikasikan sebagai PKS?

Organisasi tersebut tidak boleh ditakrifkan sebagai PKS kerana mereka bukan entiti perniagaan yang tulen. Entiti ini ditubuhkan bagi tujuan sosio-ekonomi dan tertakhluk di bawah akta pertubuhan yang berlainan (bukan di bawah SSM).

14. Bagaimana syarikat / perniagaan dapat memperoleh pengesahan Status PKS?

Syarikat / perniagaan boleh melayari laman web SME Corp. Malaysia di www.smecorp.gov.my atau di pautan <https://smereg.smecorp.gov.my>.